



**1 Ogos 2009 (Sabtu)**

### **Syarikat bumiputera bakal pegang 70% ekuiti Bernas**

SUNGAI PETANI 1 Ogos - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Noh Omar berkata, sebuah syarikat bumiputera akan mengambil alih ekuiti saham Syarikat Padi dan Beras Nasional (Berna) menerusi pegangan ekuiti sehingga 70 peratus. Beliau berkata, urusan pengambilalihan saham oleh syarikat bumiputera itu kini berada pada peringkat akhir perbincangan termasuk pemilikan saham syarikat Hong Kong yang menguasai 31 peratus ekuiti sebelum ini. "Bukan mudah syarikat asing mahu menguasai ekuiti syarikat tempatan termasuk menduduki Lembaga Pengarah Bernas kerana aktivitinya turut dikawal oleh kerajaan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Merbok di Sungai Petani Inn di sini hari ini.

Sebelum ini sebuah syarikat dari Hong Kong dilaporkan menguasai saham Bernas sebanyak 31 peratus dan perkembangan itu menimbulkan kebimbangan mengenai ekuiti syarikat nasional itu. Menurut Noh, perkembangan terbaru itu menjadikan Bernas yang sahamnya turut dimiliki kerajaan menerusi Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian, tidak boleh dikuasai warga asing bersesuaian dengan dasar ditetapkan kerajaan. Tambahnya, apa juga dasar yang dibuat oleh Bernas itu mestilah mendapat kelulusan kerajaan terlebih dahulu. Noh berkata, urusan membeli balik saham tersebut telah dimulakan sejak dua tahun lalu.

**1 Ogos 2009 (Sabtu)**

### **Royalti minyak RM1 bilion untuk Kelantan sedang dikaji**

KOTA BAHARU 1 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, isu pembayaran royalti minyak kepada kerajaan negeri Kelantan yang membuat tuntutan RM1 bilion, masih di peringkat kajian. Beliau berkata, kajian itu masih dijalankan oleh kerajaan pusat kerana berlaku pertindihan kawasan di daerah operasi pelantar minyak itu. "Royalti minyak masih dalam kajian kerajaan pusat. Bila hasil kajian selesai saya akan menghantar wakil untuk menyampaikan (hasil kajian) kepada kerajaan negeri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Umno Bahagian Kota Baharu, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai perbincangan antara beliau dengan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat yang berlangsung selama 20 minit apabila beliau tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, dekat sini hari ini.

Selain Nik Aziz, Najib dalam rangka lawatan kerjanya sehari ke Kelantan hari ini turut disambut oleh Pengurus Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan Datuk Mustapa Mohamed. Nik Abdul Aziz sebelum ini telah menghantarkan surat kepada Perdana Menteri mengenai tuntutan bayaran royalti sebanyak 5 peratus daripada hasil petroleum dan gas cecair yang dijalankan di perairan Kelantan yang berjumlah RM1 bilion.

Kerajaan negeri membuat tuntutan itu pada tahun ini setelah mengetahui melalui laporan dari Jabatan Perangkaan bahawa petroleum itu telah beroperasi sejak 2004 dan tuntutan royalti RM1 bilion itu dikira bermula daripada 2004 sehingga kini. Najib berkata pada perjumpaan singkat dengan Nik Abdul Aziz itu, antara perkara lain yang dibangkitkan adalah cadangan membina pelabuhan di Tumpat, pembinaan jejantas dan sektor pelancongan.

## 2 Ogos 2009 (Ahad)

### 1Malaysia mempunyai dimensi strategik – Najib



NAJIB Tun Razak menerima cenderamata berupa cermin yang tertera simbol 1Malaysia yang disampaikan oleh Muhyiddin Yassin pada majlis perasmian Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Pagoh di Kompleks Seri Pekembar, Pagoh dekat Muar, semalam.

MUAR 2 Ogos - Gagasan 1Malaysia bukan saja meningkatkan perpaduan di kalangan masyarakat majmuk di negara ini malah ia turut mempunyai dimensi strategik, kata Datuk Seri Najib Tun Razak. Perdana Menteri berkata, salah satu dimensi strategik itu ialah meningkatkan hubungan baik dengan negara-negara pertumbuhan baru ekonomi dunia seperti China, India, ASEAN dan Asia Barat. "Bagaimanapun, ini tak bererti kita tak pegang kepada Amerika Syarikat dan Eropah yang sebelum ini penting kepada kita tetapi kerana mereka berdepan masalah ekonomi tertentu, jadi dalam masa terdekat ini kemampuan mereka tidak seperti dulu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Pagoh di sini hari ini. Perdana Menteri menjelaskan, pertumbuhan ekonomi China sekarang pada kadar 7.6 peratus dan perlu bagi Malaysia menarik pelabur dari negara berkenaan. Beliau berkata, selain China, ekonomi India, ASEAN dan Asia Barat juga berkembang pesat dan kawasan ekonomi yang penting kepada Malaysia. "Cuba bayangkan kalau China dan India tidak beli kelapa sawit kita. Kalau China bekerjasama dengan kita, peneroka Felda

pun boleh dapat manfaat, boleh bina rumah banglo. "Saya lihat orientasi kita akan ke arah tempat berkenaan tapi kita mesti teruskan hubungan dengan Amerika dan Eropah khususnya dalam aspek teknologi mereka," katanya.

Dalam sidang akhbar kemudiannya, ditanya bagaimana kerajaan akan meletakkan gagasan 1Malaysia dalam aspek berkenaan, beliau berkata, keunikan dan kemajmukan rakyat Malaysia boleh digunakan dalam hubungan itu. "Kerana rakyat negara kita berbilang kaum, kita boleh menarik pelabur dari China, India, ASEAN dan Timur Tengah. "Kita boleh guna 'gateway' itu kepada negara China, India, ASEAN dan Timur Tengah," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri menegaskan bahawa dasar liberalisasi dalam 27 sektor perkhidmatan yang diumumkan sebelum ini bertujuan menjadikan suasana ekonomi di negara ini lebih terbuka. "Saya sendiri terkejut diberitahu bahawa keterbukaan aspek perkhidmatan kita setaraf dengan Myanmar, Indonesia dan Kemboja pun lebih terbuka daripada kita. "Di tempat lain kita melabur, tetapi di tempat sendiri kita agak tertutup. Kita nak juga orang lain datang dan melabur di tempat kita," katanya.

Beliau akan membawa perubahan terhadap dasar seperti itu agar dapat memberi kebaikan dan manfaat kepada orang Melayu dan bumiputera serta rakyat. Jelas beliau, contohnya, pemilikan saham orang Melayu dalam syarikat-syarikat didapati turun iaitu RM54 bilion pada 19 tahun lalu menjadi RM2.4 bilion sahaja kini. Justeru, katanya, dasar-dasar yang tidak memberi manfaat perlu diubah tetapi mempunyai matlamatnya tetap sama iaitu mahu meningkatkan pegangan orang Melayu. "Andai kita teruskan juga walaupun ia gagal memberi keuntungan, ia satu kegilaan dan kalau kita nak teruskan juga selepas itu, ia lagi gila". "Kalau tidak ada hasil, kita cari cara lain tetapi matlamatnya tetap sama," katanya.

## **2 Ogos 2009(Ahad)**

### **Tanah TOL bakal ditukar status pajakan**

Oleh ZAINI RABAN [utusanperak@utusan.com.my](mailto:utusanperak@utusan.com.my)

TAPAH 2 Ogos - Kerajaan Perak sedang membuat kajian terperinci bagi menukar status tanah hak milik sementara (TOL) kepada hak milik pajakan kepada puluhan ribu penduduk yang tinggal di kawasan pantai dan sungai. Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, langkah tersebut boleh dilaksanakan jika kawasan tempat tinggal itu tidak terlibat dengan projek pembangunan jangka panjang pada masa akan datang. "Usaha menukar status hak milik tanah ini diambil bagi membolehkan penduduk yang terlibat memiliki tanah sendiri dan tidak perlu bimbang dengan status tanah TOL yang mereka duduki. "Langkah ini sangat wajar kerana mereka telah tinggal di kawasan berkenaan sejak berpuluh tahun lamanya dan melibatkan dua atau generasi keluarga," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Tapah di sini hari ini. Zambry berkata, antara kawasan yang mempunyai banyak perumahan di kawasan berhampiran laut dan sungai di negeri ini ialah Pulau Pangkor, Kuala Sepetang, Parit dan Tapah. Jelas beliau, penduduk di kawasan penempatan itu sentiasa berasa bimbang kerana mereka masih tidak mempunyai tanah walaupun telah mendiami kawasan tersebut sejak sekian lama. Katanya, usaha memberi tanah hak milik pajakan itu secara tidak langsung akan membantu kerajaan negeri mencapai sasaran setinggan sifar menjelang 2015.

"Ini kerana, sebaik sahaja diberi status tanah hak milik pajakan, kerajaan negeri bercadang melakukan pembangunan di kawasan penempatan terlibat. "Pembangunan itu akan menjadikan penduduk dapat menikmati kehidupan lebih selesa dan mempunyai kemudahan infrastruktur lengkap sejajar dengan pembangunan negara," jelasnya.

Sementara itu, Zambry turut menyatakan bahawa kerajaan negeri telah membenarkan penduduk di Pulau Pangkor memperbaharui TOL mereka bagi tempoh sepuluh tahun sekali. Katanya, pengumuman itu mendapat sambutan baik masyarakat di pulau peranginan berkenaan kerana mereka tidak perlu lagi bersusah-payah menyeberang ke Lumut semata-mata untuk memperbaharui TOL mereka setiap tahun.

## **2 Ogos 2009 (Ahad)**

### **Harga lantai padi di Kedah ditetap RM1,100**

ALOR SETAR 2 Ogos - Pesawah di negeri ini bakal menikmati kadar jualan padi yang lebih tinggi pada musim ini apabila harga lantai padi dipersetujui ditetapkan RM1,100 satu tan metrik. Pengerusi Penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Radin berkata, harga minimum padi itu naik sebanyak RM30 berbanding RM980 pada musim lalu. Katanya, persetujuan itu dicapai menerusi satu pertemuan antara pihaknya dengan pengilang-pengilang beras bumiputera dan swasta di seluruh Kedah serta wakil Syarikat Padiberas Nasional Bhd. (Bernas) di sini pada 22 Julai lalu. "Hasil daripada perbincangan tersebut, pengilang beras dan Bernas bersetuju untuk membeli padi pada musim I 2009 dengan harga tersebut berikutan hasil pengeluaran yang elok," katanya di sini semalam.

Ahmad berkata, menerusi pertemuan itu juga, para pengilang beras dan Bernas turut menyatakan kesediaan untuk membeli padi dengan harga yang lebih mahal jika hasil yang dikeluarkan bersih dan bermutu tinggi. Katanya, persetujuan yang dicapai itu merupakan satu berita baik kepada para pesawah di negeri ini dan pihaknya akan memaklumkan secara rasmi kepada semua ahli 27 PPK MADA mengenai keputusan itu. "Berikutnya berita gembira ini, kami berharap pesawah akan meningkatkan usaha agar hasil pengeluaran padi akan berlipat kali ganda pada musim akan datang," ujarnya.

## **2 Ogos 2009 (Ahad)**

### **Amaran kepada pengusaha bot dalam**

PASIR PUTEH 2 Ogos – Seramai 150 pengusaha bot laut dalam yang beroperasi di Tok Bali dekat sini, diberi amaran supaya tidak mengambil rakyat Kemboja yang ditukarkan identiti mereka sebagai warga Thailand untuk bekerja sebagai nelayan dengan mereka. Komander Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Tok Bali, Komander Maritim Rozali Mohd. Said berkata, amaran ini disebabkan terdapat sindiket pemalsuan nama sebenar rakyat Kemboja yang menukarkannya kepada nama rakyat Thailand.

Tindakan yang dikesan itu, katanya, dilakukan bagi menjimatkan kos tenaga buruh apabila gaji rakyat Kemboja lebih murah berbanding pekerja dari Thailand. "Peraturan menetapkan syarat untuk mendapatkan pelaut hanya untuk rakyat Thailand. Kita tidak benarkan rakyat Kemboja menjadi nelayan asing yang sah di negara ini," katanya ketika ditemui di sini.

## **2 Ogos 2009 (Ahad)**

### **Pastikan peruntukan sampai sasaran**

SARIKEI 2 Ogos - Semua peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan infrastruktur di kawasan pedalaman perlu dibelanjakan dengan betul supaya peruntukan itu sampai kepada kumpulan sasaran, kata Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Joseph Salang. Katanya, peruntukan itu tidak seharusnya dilencangkan kepada tujuan-tujuan selain daripada yang diperincikan, dan sasarannya pula tidak seharusnya keluar dari kawasan pedalaman.

Beliau berkata demikian semasa mengulas pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak awal minggu ini mengenai peruntukan persekutuan RM4 bilion kepada kerja-kerja meningkatkan infrastruktur di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. "Sebagai wakil rakyat pedalaman pastinya saya gembira dengan peruntukan baru yang diumumkan, itu tapi pada masa yang sama apa lebih penting ialah harapan agar peruntukan itu dipastikan benar-benar sampai kepada kumpulan sasaran," katanya di sini hari ini ketika ditemui selepas kembali dari lawatan mingguannya di kawasan yang diwakilinya. Beliau berkata, masa depan jelas kelihatan cerah bagi penduduk di kawasan pedalaman, terutama kepada mereka yang memerlukan rangkaian jalan yang lebih baik, tenaga elektrik dan bekalan air. – BERNAMA.

**3 Ogos 2009 (Isnin)**

## **Mesyuarat ECER bincang Zon Ekonomi Khas**

PUTRAJAYA 3 Ogos - Mesyuarat majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) ketiga hari ini membincangkan Zon Ekonomi Khas (SEZ) yang akan dilancarkan di Pekan esok oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. Projek Agropolitan Pekan, yang bertujuan membasmi kemiskinan, akan turut diumumkan esok, kata Ketua Pegawai Eksekutif Majlis itu, Datuk Jebasingam Issace John selepas menghadiri mesyuarat itu di Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini. "Lembaga itu juga mahu menggalakkan pelaburan swasta secara aktif. Kami juga mengkaji kerangka bagi pewujudan satu amanah hartanah untuk memajukan tanah simpanan Melayu," katanya.

Yang lain ialah Taman Perindustrian Automotif Pekan, Taman Polimer Kertih dan pembangunan bersepadu Bandaraya Pelabuhan Kuantan. Mesyuarat selama dua setengah jam itu dipengerusikan Najib, yang juga Pengerusi majlis Pembangunan ECER. Ia turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Sidek Hassan. Yang turut hadir ialah Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Besar Terengganu Datuk Ahmad Said. Pengerusi Eksekutif Kumpulan IOI, Tan Sri Lee Shin Cheng merupakan wakil sektor swasta di mesyuarat itu. - Bernama

**3 Ogos 2009 (Isnin)**

## **Jambatan Persimpangan Puchong Jaya selamat digunakan Kini selamat digunakan**

KUALA LUMPUR 3 Ogos - Selamat untuk digunakan.

Itu status terkini struktur jambatan di persimpangan Puchong Jaya, Lebuh Raya Damansara Puchong (LDP) yang sebelum ini dilaporkan retak sepanjang 8.65 milimeter oleh pengguna. Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) telah memaklumkan bahawa keretakan itu hanya pada permukaan sahaja dan tidak melibatkan struktural utamanya. "Setakat ini kita dimaklumkan oleh LLM bahawa ia adalah selamat untuk digunakan kerana keretakan itu hanya pada permukaan sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke tapak projek jalan sambungan dari Persimpangan Bertingkat Kinrara, Lebuh Raya Shah Alam (Kesas) ke Taman Sri Manja di sini hari ini. Bagaimanapun, Shaziman berkata, pihaknya tidak memandang mudah keretakan itu dan mengarahkan Jabatan Kerja Raya (JKR)

menyemak secara terperinci laporan yang diserahkan oleh LLM termasuk mengambil langkah susulan sewajarnya.

Beliau berkata, LLM telah memaklumkan kepadanya melalui laporan perunding yang dilantik oleh Lingkaran Transkota Sdn. Bhd. (Littrak) mendapati keretakan yang berlaku tidak kritikal dan tidak menjelaskan kekuahan struktur jejambat itu. "Littrak juga pada masa sama setiap tahun membuat pemeriksaan berkala terhadap LDP termasuk strukturnya, bagaimanapun saya meminta JKR membuat semakan kedua terhadap laporan yang diterima LLM, bagi memastikan struktur jambatan itu benar-benar selamat. "Setakat ini tidak perlu badan bebas menyiasatnya kerana perunding itu hanya membuat laporan sahaja. LLM akan menyiasat untuk pastikan laporan itu betul dan JKR pula akan membuat semakan terperinci terhadap laporan berkenaan," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai projek jalan sambungan dari Persimpangan Bertingkat Kinrara, Kesan, Shaziman berkata, apabila siap kelak ia akan memanfaatkan kira-kira 70,000 penduduk di lima buah taman perumahan yang berhampiran. Katanya, projek yang menelan belanja RM13.6 juta dan dijangka siap pada Oktober 2010 itu, juga akan menyelesaikan masalah kesesakan teruk di Jalan Klang Lama apabila penghuni taman berkenaan dapat menggunakan laluan keluar ke Kesan untuk ke destinasi berhampiran seperti Puchong dan pusat bandar.

"Jambatan ini sebenarnya siap pada 1995 dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ) bersetuju untuk membuat sambungan jalan bagi kegunaan penduduk di lima taman berhampiran, tetapi mungkin kerana masalah-masalah tertentu maka mereka tidak mampu menyediakannya. "Maka kerajaan telah mengambil inisiatif menyiapkannya dan menyambung terus ke Jalan Klang Lama. Kabinet meluluskannya pada 2007 dan peruntukan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan diterima pada 2008. "Sejurus diterima peruntukan kewangan, kita telah memulakan kerja-kerja teknikal termasuk membuka tender dan selepas ini tanggungjawab penyelenggaraan jalan akan diserahkan kepada MBPJ," katanya.

## 4 Ogos 2009 (Selasa)

### Mana janji-janji DBKL?

Oleh roslah othman [kota@utusan.com.my](mailto:kota@utusan.com.my)



**Medan Selera Damai di Jalan Batu Bata, indah di luar tetapi tiada pengunjung. - utusan / Nizam  
Saahari**

KUALA LUMPUR 4 Ogos - "Mana hak kami! Di mana janji-janji yang ditaburkan DBKL kepada kami sebelum ini!" Begitulah luahan hati **Rashimah Mahat**, salah seorang peniaga di Medan Selera Damai, Jalan Batu Bata berhampiran Jalan Pekeliling, di sini. Biarpun nadanya berbunyi agak keras, air mata yang dilihat bergenang menggambarkan rasa kesal dan kesedihan yang dialami wanita berusia 50 tahun ini. Daripada 61 peniaga pada awal pembukaan medan selera berkenaan lebih dua tahun lalu, kini hanya tinggal empat peniaga lagi masih mempertahankan periuk nasi mereka. Dan, Rashimah adalah salah seorang daripadanya. Jika sebelum ini mereka bersabar dan terus bersabar dengan keadaan perniagaan mereka yang terus merosot, kini kesabaran mereka sekali lagi teruji apabila menerima notis daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengarahkan mereka mengosongkan premis tersebut.

Penerimaan notis bertarikh 24 Julai lalu itu bukan sahaja mengejutkan tetapi benar-benar mengelirukan mereka. Apa yang mereka persoalkan adalah tentang janji DBKL untuk menjaga hak mereka sebagai peniaga yang dipindahkan dari Kampung Baru sebelum ini. Sedangkan sebelum dipindahkan ke medan selera itu, pelbagai janji manis ditaburkan.

Menurut Rashimah, selain notis mengosongkan premis, peniaga di situ juga telah menerima beberapa notis lain sebelum itu. Ini termasuk notis permohonan lesen penjaja statik yang memaklumkan tiada kekosongan gerai buat masa ini bertarikh 20 Mac dan pada 11 Ogos tahun lepas, pembatalan peruntukan gerai dengan alasan tidak menerima tawaran dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak menjalankan perniagaan dan gerai sentiasa ditutup. Difahamkan sejak berniaga di sini, mereka tidak mempunyai lesen sehingga ke hari ini kerana berpegang kepada janji-janji DBKL sebelum itu. "Kami tidak tahu apa status kami sebenarnya. Sebelum ini kami pernah memohon lesen perniagaan, tetapi ditolak pihak DBKL dengan alasan mahu memberi peluang agar kami berniaga dahulu. Kini tiba-tiba pula kami diarahkan keluar," ujarnya.

Dalam masa yang sama peniaga di sini turut mempersoalkan kadar bayaran yang dikenakan kepada mereka iaitu sebanyak RM1,062 untuk permohonan lesen baru sedangkan sebelum ini harganya ialah RM372. Utusan Malaysia sebelum ini pernah menyatakan rentihan peniaga di sini yang mendakwa kurangnya usaha-usaha DBKL mempromosikan medan selera berkenaan, khususnya kepada warga kota adalah antara penyebab utama tempat itu kurang pelanggan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Ahmad Fuad Ismail, sendiri pernah mengeluarkan kenyataan akhbar akan bersedia turun padang untuk bertemu dengan peniaga sekiranya itu adalah jalan terbaik bagi menyelesaikan masalah di medan selera itu. Bagaimanapun kata Ahmad Fuad, tindakan tersebut bukanlah jaminan masalah ketiadaan pelanggan akan dapat diselesaikan segera apatah lagi jika peniaga sendiri tidak sama-sama berusaha menyelesaikan masalah yang dihadapi itu. Menurutnya, dakwaan para peniaga bahawa DBKL tidak melakukan usaha-usaha promosi sehingga medan selera tersebut kurang mendapat sambutan adalah tidak benar sama sekali.

Seorang peniaga lagi, **Miskiah Syawal**, 49, mendakwa tidak ada apa-apa perubahan atau tindakan yang diambil pihak berkuasa tempatan itu selepas rintihan mereka disiarkan di akhbar. Katanya, apa yang dilihat, DBKL hanya menghantar kakitangannya yang tidak mampu berbuat apa-apa untuk membantu peniaga dan mengambil alih semula stor yang sebelum ini menempatkan pekerja Alam Flora. "Lihat sahaja bekalan elektrik di kedai saya sudah hampir dua bulan terputus. Aduan sudah dibuat kepada DBKL tetapi sehingga ke hari ini tiada apa-apa tindakan diambil," ujarnya.

Katanya, aduan telah pun dibuat kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) tetapi pihak berkenaan memaklumkan ia tanggungjawab DBKL. Dia turut kurang berpuas hati dengan notis yang mendakwa tidak menjalankan perniagaan sedangkan setiap hari dia membuka perniagaannya. "Di mana letaknya kejujuran DBKL di sini. Jika benar-benar mereka mahu membela nasib kami, semua ini tidak akan berlaku."

Bagi **Salim Adami**, 31, apa yang mereka inginkan adalah kepastian daripada pihak DBKL tentang nasib mereka. Katanya, sebagai penjaja yang sebelum ini dijanjikan macam-macam sebelum mereka diarahkan berpindah ke medan selera ini, tindakan terbaru yang diambil oleh DBKL ini adalah tidak adil. "Jika benar sekalipun mereka enggan memberikan kami bermiaga di sini, mereka perlu menyediakan tempat lain yang lebih baik. Bukan dengan cara begini. "Sekurang-kurangnya mereka memaklumkan kepada kami secara terus bagi memudahkan perkara ini diselesaikan," ujarnya.

Jika sebelum ini mereka merintih meminta belas kasihan pihak DBKL agar turun padang, kini mereka merayu pula kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin agar dapat berbuat sesuatu untuk membela nasib mereka.

## 4 Ogos 2009 (Selasa)

### **Wang zakat tidak boleh masuk akaun negeri**

SHAH ALAM 4 Ogos - Peruntukan wang zakat tidak boleh dimasukkan dalam akaun kerajaan negeri, kata Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr. Hassan Ali. Katanya, ini kerana wang zakat itu disumbangkan oleh orang Islam sahaja dan ia sepatutnya disalurkan kepada lapan asnaf seperti yang telah ditetapkan. "Kita tahu ke mana sepatutnya dibelanjakan wang zakat ini. Jadi pada pandangan Pas kalau ada elemen wang zakat nak dimasukkan dalam akaun kerajaan negeri itu tidak boleh. "Tapi kalau ada pandangan yang lain kita mahu mendengar pandangan itu," kata beliau ketika diminta mengulas rancangan kerajaan negeri menggunakan hasil pungutan wang zakat yang disalurkan ke Baitulmal bagi menampung kos pentadbiran dan pembangunan di Selangor.

Rancangan yang ditimbulkan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim itu dibuat kerana kerajaan negeri ketika ini tidak menerima sebarang peruntukan daripada Kerajaan Pusat sebanyak RM300 hingga RM500 juta setahun. Mengulas lanjut Hassan berkata,

cadangan itu sebenarnya masih belum dirundingkan dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Mufti negeri sejak ia ditimbulkan Menteri Besar pada mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini. Jelas beliau, Abdul Khalid juga ada menyebut supaya Mufti negeri melakukan kajian terlebih dahulu.

"Jadi Pas bercadang untuk memanggil mesyuarat khas bagi membincangkannya dan kita juga akan panggil pakar-pakarnya untuk memberi nasihat supaya lebih memantapkan lagi pandangan kita terhadap perkara ini sebab perkara ini amat besar. "Jumlah wang zakat di Selangor juga bukan kecil jumlahnya," ujarnya.

Bagaimanapun kata Hassan, beliau yakin Menteri Besar membuat kenyataan itu dalam konteks ia perlu dikaji dan kajian pasti akan dilakukan sebelum sebarang pelaksanaan dibuat.

## 5 Ogos 2009 (Rabu)

### Anggerik Mall masih milik Mara



Bangunan Anggerik Mall di Shah Alam milik Mara yang pengurusannya diswastakan. - UTUSAN/ Mohd Shaharani Saibi

SHAH ALAM 5 Ogos - Majlis Amanah Rakyat (Mara) masih menjadi pemilik bangunan Anggerik Mall dan syarikat swasta yang dilantik merupakan penyewa utama yang bertanggungjawab menguruskan kutipan sewa dan kerja-kerja penyenggaraan bangunan. Pengarah Mara Selangor, Razlan Samsuri berkata, persoalan mengenai siapa pemilik bangunan itu tidak seharusnya timbul kerana ia sememangnya milik Mara. Katanya, Mara hanya melantik syarikat itu bagi menguruskan beberapa pengubahsuaian bagi menjadikan ia lebih menarik dan efisien serta menjadi tumpuan pengunjung.

"Mengenai deposit utiliti pula, ia akan dipulangkan sekiranya penyewa meninggalkan premis tanpa apa-apa bayaran tertunggak. "Ini kerana sebelum ini kami terpaksa menanggung kerugian apabila terpaksa membayar bil utiliti yang tertunggak apabila penyewa keluar begitu saja," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Tambah beliau, pihaknya sudah dua kali bertemu dengan peniaga tetapi masih ada segelintir daripada mereka yang berdegil tidak mahu menandatangani surat tawaran.

Razlan memberitahu, walaupun bangunan itu diuruskan oleh syarikat berkenaan tetapi kadar sewa bulanan masih dikekalkan. Tambah beliau, apa yang akan berubah hanya susunan kedai sahaja supaya lebih menarik dan teratur bagi menarik lebih pengunjung.

## **5 Ogos 2009 (Rabu)**

### **KM kesal JKM lewat salur bantuan OKU**

MELAKA 5 Ogos - Proses bantuan kebajikan yang diberikan kepada golongan orang kurang upaya (OKU) di negeri ini perlu dipercepatkan kepada mereka yang layak menerima bantuan itu. Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, beliau tidak berpuas hati kerana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) masih lewat menjelaskan pembayaran yang sepatutnya mereka terima. Sehubungan itu, beliau menggesa pegawai berkenaan supaya memudahkan lagi permohonan OKU di negeri ini untuk mendapatkan bantuan kerajaan. "Saya tidak puas hati kerana banyak kelewatan dilakukan JKM. Kalau dah nampak OKU lumpuh, tunggu apa lagi terus bagi bantuan. "Tak perlu tunggu sampai sebulan dua, hari ini kita lawat esok dah patut boleh bagi bantuan. Tak ada duit, beritahu kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perhimpunan pagi kerajaan negeri anjuran Perbadanan Sungai dan Pantai Melaka (PSPM) di Seri Negeri di sini baru-baru ini. Menurut Mohd. Ali, beliau kecewa dengan cara JKM yang mengambil masa lama untuk menghulurkan bantuan kepada OKU. Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan negeri menyalurkan sumbangan sebanyak RM100,000 kepada kira-kira 500 buah keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir kilat di tiga daerah pada 27 Julai lalu. Katanya, tiga daerah terlibat adalah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin.

Menurut beliau, kejadian banjir kilat yang berlaku itu tidak dapat dielakkan kerana penerimaan kadar hujan luar biasa dalam tempoh empat jam. "Dalam tempoh itu, jumlah hujan dicatatkan adalah sebanyak 115 milimeter (mm) berbanding 100 mm dalam tempoh sebulan. "Keadaan diburukkan lagi apabila paras air laut pasang penuh setinggi 2.1 meter berbanding paras sungai 1.1 meter pada hari kejadian," katanya.

## **5 Ogos 2009 (Rabu)**

### **Usaha kesan projektor gamma diteruskan**

KUALA LUMPUR 5 Ogos - Jabatan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) memandang serius kehilangan satu unit projektor gamma yang mengandungi radioaktif milik Syarikat Danamin (M) Sdn. Bhd. di Paka, Terengganu tiga hari lalu. Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Aziz Raja Adnan berkata, sebagai tindakan segera, pihaknya telah mengarahkan Ketua

Cawangan Zon Timur AELB di Kemaman ke tempat kejadian bagi menjalankan operasi mencari dan menyelamat.

"Mereka tiba ke tempat kejadian bersama anggota polis dan menjalankan operasi mencari di sekitar tapak stor dan diperluas ke premis pembeli besi lusuh di kawasan berhampiran." Bahan radioaktif itu dijamin selamat sehingga orang tidak terlukih mengeluarkannya ataupun membukanya. "Jika ini berlaku, ia membahayakan orang ramai dan pihak kami akan terus melakukan operasi mencari dan menyelamat," kata beliau dalam kenyataan di sini hari ini.

Jelasnya, Kementerian Kesihatan juga telah dimaklumkan untuk berwaspada kes pesakit yang menunjukkan tanda kesan bahan radioaktif tersebut. Katanya, bahan radioaktif dalam kategori dua itu boleh mendatangkan kecederaan jika dikeluarkan, dipegang atau terdedah dalam lingkungan kurang daripada satu meter seperti melecur. Menurutnya, dalam memastikan keselamatan orang awam dan alam sekitar terpelihara, pihaknya dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan syarikat terbabit akan bekerjasama menjalankan usaha mencari dan menyelamat selama dua tahun. "Ini berdasarkan fakta bahan radioaktif ini mempunyai hayat pendek selama dua tahun dan akan kembali kepada keadaan terkawal selepas tempoh tersebut," katanya.

Abdul Aziz turut menyarankan mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang berkaitan agar melaporkan kepada Jabatan AELB melalui talian 019-2873450, 012-3237006, 012-3130510 atau melaporkan ke balai polis berdekatan.

## 5 Ogos 2009 (Rabu)

### Felda sedia 48 hektar tanah tanam sayur, buah



**FAIZOULL AHMAD beramah mesra dengan dua pelajar cemerlang SMK Teja Putra, Syahirah Salleh (tengah) dan Nurul Izzati Muji (kiri) di Ketengah Jaya, Dungun, semalam.**

DUNGUN 5 Ogos - Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) Wilayah Terengganu memperuntukkan sebanyak 48 hektar tanah bagi memulakan projek tanaman sayur dan buah-buahan di kawasan tanah rancangan tersebut. Pengurus Besarnya, Faizoull Ahmad berkata, ia merupakan sebahagian daripada aktiviti yang dilakukan di bawah Felda Gedung Makanan Negara. Katanya, sebanyak 40 hektar tanah di Felda Tenang, Besut dan lapan

hektar tanah di Felda Chalok, Setiu diperuntukkan untuk menanam sayuran dan buah-buahan yang bersesuaian. Menurut beliau, projek tanaman tersebut akan diuruskan oleh syarikat yang ditubuhkan oleh para peneroka di negeri ini. "Kita akan menggunakan kaedah dikenali sebagai 'double area' dalam melaksanakan projek tanaman tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Motivasi Pelajar Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009 bersama Ibu Bapa di Sekolah Menengah Kebangsaan Teja Putera, Ketengah Jaya di sini hari ini. Faizoull berkata, melalui kaedah tersebut, para peneroka akan menanam sayuran dan buahan di kawasan bersebelahan dengan kelapa sawit. Katanya, kaedah itu tidak akan mengurangkan jumlah pokok kelapa sawit yang ditanam kerana ia akan mengecilkan alur tanaman kelapa sawit. "Ia juga akan memberi pendapatan lebih cepat kepada para peneroka berbanding kepala sawit. "Ini kerana hasil projek tanaman sayuran dan buahan boleh dituai lebih awal berbanding kelapa sawit yang memerlukan masa kira-kira dua tahun untuk mengeluarkan hasil," katanya.

Beliau memberitahu, projek tanaman sayuran dan buah-buahan itu juga lebih sesuai dilakukan oleh peneroka warga emas kerana tidak memerlukan tenaga yang banyak berbanding mengambil hasil kelapa sawit.

## **6 Ogos 2009 (Khamis)**

### **Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984 dikaji semula**

KUALA LUMPUR 6 Ogos – Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengkaji semula Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984 agar ia sesuai dengan keadaan semasa. Timbalan Menterinya, Datuk Wira Abu Seman Yusop berkata, kajian itu termasuk meneliti dan melakukan penambahbaikan agar tidak ada pihak yang mempertikaikan akta itu kelak. Katanya, langkah itu perlu untuk memajukan industri percetakan negara agar dapat terus bersaing di peringkat global terutamanya dalam keadaan krisis kegawatan ekonomi sekarang. "Industri percetakan kini menjadi salah satu penyumbang pendapatan ekonomi negara. Kerajaan menyokong kuat industri ini kerana perniagaan berkaitan percetakan telah mempunyai nilai pendapatan lebih daripada RM5 bilion setahun," katanya.

Beliau bercakap pada sidang akhbar selepas merasmikan Pameran Percetakan, Pembungkusan, Mesin, Kertas Antarabangsa (IPMEX) 2009 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini. Sebanyak 150 syarikat percetakan global terkenal menyertai pameran itu antaranya Canon, Lexmark, Fuji Xerox, Epson, Hewlett-Packard (HP) dan Konica Minolta. Pameran yang berlangsung selama empat hari itu, turut mendapat penyertaan dari China, India, Indonesia, Korea Selatan, Filipina dan Pakistan.

Mengenai penerbitan yang melanggar peraturan di bawah Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984, beliau berkata, kementerian akan berjumpa dengan pengarang dan ketua editor berkenaan bagi membincangkan perkara tersebut. Setakat ini katanya, sebanyak dua pertemuan diadakan sejak Mei lalu dan ia bertujuan mewujudkan persekitaran positif dalam industri percetakan.

## **8 Ogos 2009 (Sabtu)**

### **Kakitangan awam dibebani hutang**

KUALA LUMPUR 8 Ogos - Sebahagian besar daripada 1.2 juta orang kakitangan awam di negara ini berhutang, menyebabkan ada di antaranya membawa pulang hanya 40 peratus sahaja daripada gaji mereka setiap bulan. Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Omar Osman mendedahkan, ada dalam kalangan kakitangan awam memperoleh pendapatan boleh guna yang sedikit, malah ada yang mencapai tahap teruk. "Ada kes di mana mereka yang berumur 50 tahun belum habis membayar hutang, malah lebih teruk lagi ada yang kehabisan bayaran gratuity kerana menjelaskan pinjaman," katanya kepada *Utusan Melayu Mingguan*, baru-baru ini.

(Laporan penuh mengenai beban hutang kakitangan awam ini dapat diikuti dalam *Utusan Melayu Mingguan*, esok).

Menurutnya, kumpulan berpendapatan sederhana dan bawahan adalah paling ketara berhutang, setidak-tidaknya membuat pinjaman perumahan dan kenderaan atau pinjaman peribadi. Omar berkata, bebanan hutang yang terpaksa ditanggung oleh kakitangan awam boleh dilihat apabila ramai di antara mereka terpaksa bekerja secara sambilan siang dan malam. "Dianggarkan lima peratus kakitangan awam terpaksa bekerja sambilan," ujarnya.

Beliau memberi contoh daripada 20,000 pemandu taxi di Lembah Klang, 10 peratus adalah kakitangan awam yang melakukannya secara sambilan. Katanya, terdapat kes-kes teruk sehingga ada yang tidak datang kerja kerana tidak mempunyai wang. "Jika datang sekali pun tidak buat kerja kerana hilang tumpuan akibat beban hutang," ujarnya yang bimbang dengan fenomena tersebut.

## **9 Ogos 2009 (Ahad)**

### **Nong Chik tidak puas hati**

Oleh WAN SYAMSUL AMLY kota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 9 Ogos - Juruperunding yang dilantik pemaju Kenanga Wholesale City diberi masa selewat-lewatnya tiga minggu untuk menghantar laporan lengkap berhubung kejadian tanah mendap di Jalan San Peng pada akhir bulan lalu. Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin yang melahirkan rasa tidak puas hati terhadap dua laporan yang dihantar pemaju berkenaan sebelum ini, turut meminta pemaju mematuhi tempoh itu dan tidak 'cuai' dalam laporan terbarunya. Tegasnya, pihak kementerian itu juga telah melantik satu konsultan berkecuali untuk menilai laporan sebelum ini dan yang akan diterima tidak lama lagi.

"Saya beri tiga minggu. Saya tidak berpuas hati dengan dua laporan yang dihantar sebelum ini. "Saya tidak mahu isu ini tergantung terlalu lama. Kita harap ada penyelesaian segera," katanya selepas merasmikan Pesta Makan Buah-buahan Tempatan di Perumahan Pantai Permai di sini hari ini. Pesta tiga jam anjuran Persatuan Kebajikan Anak-Anak Pahang di Ibukota (Pekap) itu turut menghidangkan buah durian dari Raub selain rambutan dan manggis. Sebelum ini, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad Ismail menjelaskan, laporan yang dihantar kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak lengkap kerana pihak juruperunding terbabit gagal menjelaskan sebab-sebab berlakunya kejadian tersebut.

Akhir bulan lalu, sebanyak 22 keluarga yang mendiami kuarters DBKL dan Jabatan Kerja Raya (JKR) di Jalan San Peng diarah mengosongkan rumah masing-masing apabila sebatang jalan di situ mengalami mendapan. Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dan kecederaan dilaporkan dalam kejadian kira-kira pukul 6 petang itu. Tambah Nong Chik, kerjasama penuh daripada pemaju berkenaan sangat diharapkan bagi memastikan isu itu dapat diselesaikan segera. "Kita berharap benar mereka dapat mengikut arahan kali ini. Jangan sampai menimbulkan kemarahan penduduk berkenaan yang sudah mengalami kerugian akibat kejadian itu," ujarnya.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Nong Chik menjelaskan, pihaknya memberikan tempoh dua tahun untuk 45,000 unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dijual kepada penduduk berpendapatan rendah. "Kita akan mula jual pada bulan November dan proses ini akan selesai dalam masa dua tahun. "Kita harap semua akan mendapat rumah dengan harga yang berpatutan dan sekali gus membantu mereka yang tergolong dalam golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri," katanya.